

SUATU PANDANGAN AWAL TERHADAP SEJARAH LISAN DALAM KONTEKS PENGKAJIAN SEJARAH MALAYSIA

Oleh

NADZAN HARON

AHLI-AHLI sejarah telah lama mengetahui tentang kegunaan sumber-sumber lisan sebagai tambahan kepada sumber-sumber yang tertulis. Thucydides, seorang sejarawan Yunani selepas Herodotus, telah menggunakan sumber lisan bagi melengkapkan lagi kajiannya keatas kekalahan orang Yunani dalam berperangan dengan Sparta. Beliau telah menjalankan kaedah temubual bagi mendapatkan keterangan-keterangan lisan untuk dibandingkan dengan sumber-sumber yang ada. Seseorang yang hendak mengkaji sejarah sesuatu masyarakat yang belum kenal tulisan, terlebih dahulu ia hendaklah mendapatkan sumber-sumber lisan iaitu tradisi lisan yang terdapat pada masyarakat tersebut. Dalam kajian ini sumber utamanya ialah tradisi lisan tersebut. Bagi kajian sejarah masyarakat yang telah tahu menulis pula, seseorang itu akan menggunakan sumber bertulis sebagai bahan utama bagi kaji-lidikannya. Dalam pada itu ia akan juga menggunakan sumber lisan sebagai alternatif bagi sumber-sumber bertulis yang kurang lengkap. Penggunaan sumber-sumber lisan mungkin sebab adanya kesedaran bahawa tiap-tiap peristiwa sejarah itu mestilah ada bukti yang menunjukkan peristiwa itu benar berlaku. Bagi masyarakat yang belum tahu menulis, sesuatu peristiwa itu akan diabadikan dalam tradisi lisan. Bagi masyarakat yang tahu menulis pula sesuatu peristiwa sejarah itu akan dicatatkan dalam rekod-rekod. Tetapi apa yang dicatatkan adalah perkara-perkara yang dianggap penting sahaja. Dalam pada itu banyak lagi perkara-perkara yang tidak dicatatkan. Bagi mereka yang ada terlibat atau yang ada menyaksikan keterangan tentang perkara tersebut akan tinggal dalam ingatan mereka. Keterangan ini adalah sebahagian dari bukti-bukti sejarah. Keterangan demikian jika tidak pula diusahakan untuk mengumpulkannya, ia akan hilang. Dari kaedah mendapat dan mengumpulkan keterangan-keterangan inilah berkembangnya suatu bidang yang dinamakan Sejarah Lisan.¹

Apakah dia sejarah lisan itu? Kekeliruan kadangkala timbul kepada seseorang yang kurang teliti mengenai definisi yang sebenar; lantas mengatakan bahawa sejarah lisan dan tradisi lisan itu adalah lebih kurang sama; atau mengatakan kaedah untuk mendapatkan keterangan sejarah bagi penulisan tesis atau buku itu adalah sejarah lisan. Sejarah lisan bukannya tradisi lisan dan seseorang yang menjalankan kaedah temubual untuk mendapatkan sumber-sumber penulisan tesis atau buku, bukan ahli sejarah lisan.² Agak sukar untuk diberikan suatu definisi yang tepat, kerana jika kita merujuk kepada perkataan sejarah lisan, ia membawa pengertian bahawa sesuatu keterangan itu mestilah mengenai sejarah dan ia harus dalam bentuk

¹Fry, A.R. & Baum, W. "A Janus Look at Oral History", *The American Archivist*, Vol. 32, No. 4, Oct. 1969.

²Swain, Donald C., "Problems for Practitioners of Oral History", *The American Archivist*, Vol. 28, No. 1, January 1965.

lisan. Semasa diadakan persidangan sejarah lisan yang pertama di Lake Arrowhead pada bulan September 1966 dahulu, peserta persidangan gagal mencapai suatu definisi yang tepat dan diterima umum, walaupun mereka menerima sebahagian besar dari definisi yang telah dibincangkan. Secara keseluruhan mereka memper-setujui bahawa sejarah lisan itu adalah suatu cara bagi mendapatkan keterangan sejarah yang berbentuk lisan, untuk menambah dan bukan untuk menggantikan sumber-sumber bertulis yang ada seperti rekod, surat-surat, catitan harian dan apa-apa sumber bertulis yang berkaitan, yang telah dihasilkan dalam jangkawaktu yang berkenaan.³ Seorang tokoh sejarah lisan dari Perpustakaan J.F. Kennedy bernama William W. Moss, memberikan definisi sejarah lisan itu sebagai suatu proses menghasilkan sumber-sumber sejarah melalui teknik temubual/wawancara/soaljawab yang dibuat diatas pita rakaman. Pengumpulan, menyalin-semula, penyusunan, penerbitan dan penyimpanan rakaman keterangan-keterangan sejarah yang dibuat oleh orang-orang yang ada kaitan dengan sesuatu peristiwa yang menarik perhatian penyelidik-penyelidik, dibuat mengikut sistem-sistem yang tertentu adalah sebahagian daripada sejarah lisan.⁴ Dari definisi-definisi diatas boleh diberi suatu kesimpulan bahawa sejarah lisan ialah suatu kaedah untuk mendapat dan mengumpulkan keterangan-keterangan sejarah melalui teknik temubual/wawancara/soaljawab yang dirakamkan ke dalam pita rakaman. Rakaman ini kemudiannya diperoses, dimana ia disalin semula, disunting dan dibuat pembetulan yang perlu oleh pihak penyelenggara dan yang ditemubual (*interviewee*) dan diterbitkan untuk penyelidik-penyelidik. Matalamatnya ialah suatu transkrip yang tidak berubah dari apa yang terkandung dalam rakaman. Dengan itu, keterangan-keterangan sejarah yang dikumpulkan itu terkandung dalam dua bentuk, iaitu rakaman dan transkrip. Kedua-dua ini suatu hari kelak akan digunakan oleh penyelidik sebagai sumber untuk penulisan sejarah.

Tradisi Lisan, mengikut definisi Professor Jan Vansina adalah sumber-sumber sejarah yang berbentuk istimewa. Keistimewaannya ini adalah kerana ianya sumber yang tidak bertulis, dicipta sesuai dengan kaedah penyampaiannya secara lisan, diperturunkan dari jenerasi ke jenerasi. Penyimpanannya adalah tergantung pada kekuatan ingatan seseorang penutur.⁵ W. Bauer, seorang tokoh penyelidik dalam bidang ini telah membahagikan Tradisi Lisan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama, terdiri dari semua sumber, tanpa mengira samaada yang terselamat atau yang telah berubah semasa dalam proses penyampaiannya. Perubahan ini dapat dikesan kembali pada individu tertentu yang telah diamanahkan untuk menyimpan dan memperturkannya kembali untuk tujuan tertentu. Kedua, sumber-sumber yang tidak dapat dikesan penciptanya dan berkembang tanpa penyimpan dan

³Dixon Elizabeth I & James V. Mink, (Ed.), *Oral History At Arrowhead: The Proceedings of the First National Colloquim on Oral History*, The Oral History Association, L.A. California, 1969.

⁴Shumway Gary, (Ed.), *Oral History in the United States*, Oral History Association, New York, 1971.

⁵Gagliano, Felix V., *Communal Violence in Malaysia 1969: The Political Aftermath*, Southeast Asia Series No. 13, Paper in In International Studies, Centre for International Studies, Ohio University, 1969.

penutur tertentu; misalnya peribahasa, perbilangan, lagu-lagu rakyat, cerita-cerita pendek, legenda dan saga. Apabila mengkaji kumpulan ini, hendaklah ditentukan samaada dicipta untuk tujuan propaganda atau untuk tujuan riwayat orang tertentu.⁶ Dengan ini dapat disimpulkan bahawa Tradisi Lisan ialah semua keterangan lisan mengenai masa lalu yang telah diperturunkan dari seorang ke seorang dengan cara pertuturan. Tradisi Lisan ini ada yang berbentuk puisi dan ada yang berbentuk prosa, meliputi suatu bidang yang luas, iaitu mitos, legenda, peribahasa, perbilangan, jurai keturunan dan beberapa lagi.

Merujuk kepada definisi-definisi diatas ternyata perbezaan yang terdapat antara Sejarah Lisan dengan Tradisi Lisan. Walaupun kedua-duanya sama dalam sifatnya, iaitu lisan, akan tetapi perbezaan terdapat dalam beberapa segi, khususnya segi teknik pengumpulan, teknik memproses dan sejarah yang dikaji. Tradisi Lisan dikutip bukan dikumpulkan melalui temuramah/wawancara/soaljawab. Untuk dinilai sebagai bahan sejarah, tradisi lisan perlukan bantuan disiplin lain seperti arkeologi linguistik dan ethonografi.⁷

Sejarah lisan adalah baharu dalam perkembangannya. Konsep sejarah lisan ini telah bermula dari kegiatan seorang ahli sejarah dari University Columbia bernama Allen Nevins. Beliau telah menjalankan usaha merekodkan sumber-sumber sejarah melalui teknik temubual. Dalam usahanya Nevins telah mengadakan satu rancangan, dimana orang-orang Amerika yang dipercayai mempunyai ingatan dan kenangan yang bernilai kepada sejarah telah ditemubual dengan cara yang sistematik. Temubual itu kemudiannya telah disalin semula ke dalam tulisan dan disediakan untuk kegunaan penyelidik. Atas usaha ini, maka Nevins juga dikenali sebagai orang yang telah mencipta sejarah lisan.⁸ Semenjak dari itu teknik sejarah lisan ini telah digunakan dengan luasnya sebagai satu alat untuk penyelidikan sejarah dalam berbagai bidang, iaitu politik, ketenteraan, sains, ekonomi, perubatan, penerbangan perindustrian, buruh dan lain-lain lagi. Perpustakaan-perpustakaan yang diabadikan sebagai penghargaan kepada Presiden-Presiden Amerika juga telah menjalankan program-program sejarah lisan yang besar berhubung dengan riwayat-hidup, perjuangan politik mereka, dasar-dasar pemerintahan dan jasa-jasa mereka.⁹ Program-program sejarah lisan tokoh-tokoh politik yang lain seperti Huey Long, John Foster Dulles and lain-lain tokoh lagi telah juga dilaksanakan.

Mengikut laporan Willa K. Baum, Pengarah Regional Oral History Office, University of California, di Berkeley, kepesatan perkembangan sejarah lisan di Amerika, sehingga kini dapat dibahagikan kepada lima jenis. Jenis pertama ialah projek-projek am yang dilaksanakan bagi menambah dokumen-dokumen sejarah

⁶ M. Starr, Louis (Ed.), *The Second National Colloquium On Oral History*, Oral History Association, New York, 1968.

⁷ Moss, W.M., *Oral History Program Manual*, Praeger Publishers, New York, 1975.

⁸ Mohd. Amin Hassan, "Tradisi Lisan-Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia, *Akademika*, Bil. 4, Januari 1974.

⁹ Majumdar, R.K., & Srivatsva, A.N., *Historiography*, Surjeet Book Depot, Delhi, 1975.

yang penting. Misalnya, projek yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Bancroft, projek yang dijalankan oleh Jabatan Perpustakaan Universiti California di Los Angeles dan projek yang dijalankan oleh badan-badan yang lain. Tujuannya adalah sama iaitu untuk menambah bahan-bahan sejarah yang sedia ada tersimpan di perpustakaan berkenaan. Jenis yang kedua ialah projek berkenaan perkara tertentu, yang mana kegiatan-kegiatannya membatasi skop sejarah lisan. Contohnya, *The Duke Indian Oral History Project* di Universiti-Universiti Arizona, Florida, Illinois, New Mexico, Oklahoma dan Utah; penubuhannya bertujuan untuk memberi orang-orang *Red Indians* peluang melahirkan interpretasi mereka terhadap sejarah Amerika. Disamping itu tujuannya adalah juga untuk mengumpulkan keterangan-keterangan sejarah. Ketiga adalah jenis projek-projek sejarah kedaerahan. Projek-projek seperti ini dilaksanakan dengan dua matalamat, iaitu pengumpulan keterangan-keterangan berkaitan dengan sejarah daerah dan untuk memberikan perkhidmatan kepada penyelidik. Keempat, ialah jenis projek pelajaran dan latihan dimana metodologi sejarah lisan digunakan sebagai suatu bentuk historiografi. Disamping itu tujuannya adalah juga untuk mengumpulkan keterangan sejarah. Contoh bagi jenis ini ialah seperti yang terdapat di Immaculate Heart College di Los Angeles dan Californian State College di Fullerton. Jenis yang kelima pula ialah projek-projek yang dilaksanakan secara sukarela oleh badan-badan seperti persatuan-persatuan sejarah tempatan, perpustakaan, muzium dan arkib. Terdapat sesuatu yang unik bagi jenis ini, dimana kebanyakan projek seperti ini dijalankan oleh komiti sukarela; matalamat mereka adalah untuk pengumpulan dan penyimpanan keterangan-keterangan sejarah yang berkaitan dengan komuniti mereka untuk kegunaan ahli komuniti itu. Misalnya, sejarah lisan tentang penerbangan, perubatan, perkapalan dan lain-lain lagi.¹⁰ Dari penelitian keatas kelima-lima jenis ini apa yang jelas ialah, sejarah lisan itu merupakan suatu kaedah mengumpulkan keterangan-keterangan sejarah, untuk kegunaan penyelidik yang akan menggunakannya sebagai sumber tambahan untuk penulisan sejarah perkara-perkara berkenaan.

Disamping kepesatan perkembangan projek-projek sejarah lisan ini, telah terbentuk pula banyak persatuan-persatuan sejarah lisan. Perkembangan yang begini sangat menggalakkan dan ini mungkin disebabkan oleh dorongan kesedaran bahawa tidak semua dokumen bertulis itu memberi gambaran sejarah yang lengkap. Tidak semua dokumen yang bertulis itu juga mengandungi keterangan yang penting. Kepesatan perkembangan ini mungkin juga kerana kesedaran terhadap kepentingan sejarah lisan. Mungkin juga kerana kesedaran terhadap kepentingan sejarah lisan. Mungkin juga kerana kesedaran iaitu bahan-bahan tersebut adalah dalam ingatan orang perseorangan andainya ingatan tersebut tidak diselidiki dan dirakamkan, keterangan sejarah tersebut akan hilang terus, kerana manusia itu ingatannya dan hayatnya tidak kekal.

Bagi kita di negara ini Sejarah Lisan adalah suatu perkara yang baharu, walaupun kita telah mempraktikkan kaedah temuramah dalam kajian untuk menghasil-

¹⁰Olch Peter D. & Pogue Forrest C., (Ed.), *Selections From The Fifth and Sixth National Colloquia On Oral History*, Oral History Association, New York, 1972.

kan tesis atau penulisan makalah. Lantaran itu kita telah dilatih menumpukan kajian keatas dokumen-dokumen bertulis dan kita masih belum benar-benar menerima bidang tersebut sebagai suatu yang praktikal dalam pengkajian sejarah negara kita. Tidak pula dinafikan ada pengumpulan keterangan sejarah dirakamkan semasa menjalankan temuramah, contohnya projek yang telah dijalankan oleh Radio dan talivisyen Malaysia (RTM) yang bertajuk "Warisan", dan beberapa lagi yang telah dijalankan oleh pihak Arkib, tetapi tidak dapat dipastikan adakah itu boleh dianggap sebagai sejarah lisan. Sejarah lisan yang sebenar perlu dilaksanakan mengikut kaedah dan teknik tertentu, bagi memastikan hasilnya benar-benar bernilai. Terdapat tiga tahap utama dalam kaedah sejarah lisan iaitu, persediaan, teknik mengumpulkan melalui temuramah/wawancara/soaljawab, dan memproses rakaman.

Dalam tahap pertama ini segala persediaan yang perlu haruslah dibuat, iaitu, mendapatkan penasihat, penentuan skopnya, menentukan siapa yang akan ditemuramah, dan pemilihan *historical approach*. Untuk melaksanakan suatu program sejarah lisan yang besar, misalnya, Program Sejarah Lisan Tun Razak, projek seperti ini perlukan suatu badan penasihat. Badan penasihat ini akan terdiri dari beberapa orang anggota sukarela yang berpengaruh, dan sekurang-kurangnya seorang dari mereka mempunyai pengalaman dalam perundangan. Tugas badan ini adalah memberi nasihat tentang sesuatu masalah yang dihadapi. Misalnya, masalah menentukan *interviewee*. Oleh kerana anggota badan ini terdiri dari orang yang ada kaitan dengan program ini, mereka akan dapat memberikan senarai nama orang-orang yang ada kaitan dengan sesuatu perkara itu, untuk ditemuramah. Dengan pengaruh penasihat-penasihat ini juga akan menyenangkan *interviewer* mendapatkan kerjasama pihak *interviewee*. Sekiranya terdapat masalah kewangan, badan penasihat akan cuba sedaya yang boleh mempengaruhi badan-badan tertentu memberikan bantuan. Badan penasihat ini juga akan memberi nasihat undang-undang tentang rundingan dengan pihak *interviewee* berhubung dengan penyimpanan dan penggunaan rakaman dan transkrip. Di peringkat persediaan ini juga ditentukan skop kajian dengan membuat garis-panduan tentang perkara-perkara yang akan ditumpukan dalam kajian. Senarai nama-nama *interviewee*, dibuat berdasarkan pada kajian keatas latarbelakangnya, peranan dan pengetahuannya tentang perkara-perkara yang hendak dikaji, dan alamatnya.¹¹ Berdasarkan pada garis panduan, skop yang hendak dikaji dan senarai nama-nama *interviewee*, dibuat suatu penilaian awal menentukan tentang perkara apa, maklumat atau keterangan sejarah yang harus ditemuramah. Mereka ini kemudiannya dihubungi dengan surat, diminta kerjasama untuk ditemuramah tentang perkara yang telah ditetapkan. Laporan program tentang tujuan, tatacara, tajuk-tajuk kandungan temuramah, penyimpanan dan penggunaan bahan yang akan dihasilkan hendaklah disertakan bersama dengan surat yang dikirimkan itu, supaya tidak timbul salah sangka akan maksud dan pelaksanaan program. Bila dan dimana temuramah akan diadakan hendaklah diserahkan kepada mereka menetapkannya supaya mereka dapat menentukan suatu masa yang paling sesuai. Bagi mereka yang memberi jawapan yang negatif, kita

¹¹Vansina, J., *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology*, Penguin University Books, London, 1965.

hendaklah menjawab mengatakan kita menghormati alasan mereka, walaupun kita masih mengharapkan kerjasama mereka.

Jika kita hendak melaksanakan program sejarah lisan tentang seorang tokoh penting seperti Tun Razak, panduan diatas akan dapat membantu kita bagaimana perancangan persediaan harus dibuat. Kajian akan ditumpukan terhadap riwayat-hidup; perjuangan politik; peristiwa-peristiwa dan issue semasa pentadbirannya; sikap dan emosinya, iaitu bagaimana pandangannya terhadap sesuatu perkara, bagaimana emosinya dalam sesuatu situasi; dan beberapa perkara lagi yang difikirkan perlu dikaji. Mereka yang akan diperlukan untuk ditemuramah pula akan terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan; mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu dasar yang dibuat dan dilaksanakan; tokoh-tokoh politik, termasuk parti-parti lawan; pemimpin kesatuan buruh; wartawan; cendekiawan; duta-duta dan pemimpin negara asing yang ada hubungan dengan sesuatu perkara; keluarga dan orang-orang yang rapat dengan beliau. Banyak masaalah yang boleh diduga dalam melaksanakan program ini, maka suatu badan penasihat yang agak berpengaruh adalah perlu.

Tahap kedua dalam kaedah sejarah lisan ialah teknik menjalankan temuramah. Adalah perlu bagi seseorang itu bersedia selengkap-lengkapnya sebelum memulakan temuramah, kerana temuramah yang boleh dikatakan berjaya adalah temuramah yang dapat mencapai maksud yang dikehendaki. Dalam sejarah lisan, untuk mencapai maksud tersebut, selain dari kerjasama *interviewee* dan pendekatan yang sesuai adalah juga bergantung pada persediaan seseorang pengkaji itu.¹² Seseorang itu hendaklah mengetahui sebanyak mungkin tentang perkara yang hendak dipersoalkan. Untuk ini, ia haruslah membaca dan mengkaji segala keterangan bertulis yang ada seperti dokumen, akhbar atau buku, dan ketahui peranan orang yang akan ditemuramah dalam perkara berkenaan dan apa-apakah keterangan sejarah yang diharapkan darinya. Soalan-soalan hendaklah disediakan untuk dijadikan garis-panduan semasa menjalankan temuramah/soaljawab. Dengan persediaan yang demikian pengkaji bukan hanya dapat menjaga kelancaran perjalanan temuramah, ia akan juga mengetahui samaada *interviewee* bersikap *bias*, dan memastikan kebenaran sesuatu keterangan sejarah yang dirakamkan. Persediaan yang demikian juga akan mendorong *interviewee* lebih bersikap kerjasama dan menghargai maksud tujuan pengkaji.

Tidak semua orang yang mempunyai kesedaran keatas keperluan sejarah, maka dalam menjalankan kajian seseorang pengkaji itu haruslah dengan apa cara jua cuba mendapatkan kerjasama golongan ini, dengan menggunakan teknik-teknik tertentu. Suatu sebab yang utama mengapa *interviewee* bersikap tidak mahu memberikan kerjasama adalah kerana seseorang itu bimbang maklumat yang akan diberikannya itu akan disalahgunakan oleh orang tertentu dan kelak akan menjejaskan kedudukannya, apatah lagi jika keterangan sejarah yang diperlukan itu merupakan sesuatu perkara sulit. Misalnya jika kita hendak mengetahui secara teliti, apakah peranan

¹²Vansina, J., Mauny, R. & Thomas, L.V., (Ed.), *The Historian In Tropical Africa*, Oxford University Press, London, 1964.

sebenarnya Tun Razak dahulu dalam pertikaian politik di Sabah yang membawa kejatuhan parti USNO, jawapan atau keterangan sejarah kepada soalan yang demikian, tentulah menjadi sukar kepada *interviewee* untuk memberikan kerjasamanya. Apatah lagi jika *interviewee* itu seorang menteri atau seorang pegawai tinggi kerajaan, atau seorang tokoh politik yang terlibat atau pun sekurang-kurangnya mengetahui akan perkara tersebut. Untuk mengatasi masalah seperti ini pengkaji haruslah meyakinkan seseorang itu dengan memberi jaminan bahawa maklumat yang akan diberikannya itu tidak akan disalahgunakan. Jika perlu, beri peluang kepada *interviewee* menentukan penyimpanan dan penggunaan rakaman tersebut, samaada ditutup atau disyaratkan kepada penyelidik yang ingin menggunakan rakaman tersebut supaya meminta keizinan darinya terlebih dahulu. Kemungkinan juga terdapat *interviewee* yang bersikap biasa dalam keterangan sejarah yang diberinya, dan ada pula yang cuba memperlindungan sesuatu dengan memberi keterangan sejarah yang tidak benar. Dalam kedua-dua hal ini, pengkaji harus tunjukkan dengan cara yang tidak ketara, dengan demikian pihak responden akan menyedari kesalahannya. Seseorang yang tidak menyelidik terlebih dahulu tentang sesuatu perkara yang dikaji tentu sekali tidak dapat mengesan kesalahan keterangan yang diberi oleh *interviewee*, oleh itu diperlukan pengkaji mengkaji segala dokumen yang bertulis termasuk buku, makalah dan akhbar tentang perkara yang ada kaitan dengan perkara yang hendak dikaji.

Didalam sejarah lisan, apa yang dikehendaki ialah dialog yang berjalan lancar dan maju, antara dua orang yang berpengetahuan tentang perkara yang dibincangkan. Untuk mencapai kehendaki ini pengkaji adalah tidak digalakkan membaca soalan-soalan yang disediakan pada sehelai kertas. Pengkaji harus bersedia dan kertas tersebut digunakan sebagai panduan sahaja untuk mengetahui apa yang sudah atau yang belum dibuahkan atau perkara yang masih belum jelas dan memerlukan keterangan yang lebih lanjut. Dari pengalaman tokoh-tokoh sejarah lisan, mereka dapati teknik temubual dengan menghantarkan soalan-soalan bertulis kepada *interviewee* terlebih dahulu, tidak menghasilkan suatu temuramah yang baik.¹³ *Interviewee* yang datang dari golongan yang berjawatan tinggi akan memikirkan bahawa tidak perlu baginya memberi jawapan yang memerlukan masa yang panjang, dan tidak perlu juga menjawab soalan tersebut satu persatu. Apa yang dihasilkan ialah rakaman keterangan sejarah yang am sahaja. Oleh itu ada baiknya jika soalan dikemukakan secara spontan supaya dapat menentukan jawapan bagi satu-satu soalan itu mencapai kehendaknya. Soalan-soalan yang dikemukakan pula hendaklah dalam beberapa bentuk mengikut keterangan-keterangan sejarah yang hendak didapati. Misalnya, jika berkehendakan sesuatu maklumat sulit, rahsia atau pengakuan, soalan-soalan hendaklah berbentuk penyiasatan atau provokatif. Soalan-soalan demikian akan memaksa *interviewee* mendedahkan sesuatu yang pada mulanya ia mahu menyelindungi. Untuk mendapatkan jawapan yang nyata, soalan hendaklah tepat dan pendek. Soalan-soalan tidak perlu panjang dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik, kerana dalam sejarah lisan matalamatnya bukan soalan yang menarik, tetapi adalah jawapan yang menarik. Disamping itu hendaklah dia pastikan

¹³Gray Wood, *Historian's Handbook: A Key to the Study and Writing of History*, Houghton Mifflin Company, Boston, 1964.

ada kaitan atau pertalian antara satu soalan dengan yang berikutnya. Misalnya, Siapakah orangnya? Apa yang telah mereka buat? Bagaimana mereka melakukannya? Bagaimana mereka boleh terdorong dan kenapa? Apakah *issuena* dan bagaimana perjuangan itu bermula? Apakah sebab dan akibat kejadian dan tindakan itu? Apakah matalamat dan cara-cara yang digunakan untuk melaksanakannya? Dan lain-lain lagi.¹⁴ Jawapan kepada bentuk soalan-soalan yang demikian, dengan persiapan yang dibuat serta kerjasama dari *interviewee* boleh menghasilkan keterangan-keterangan sejarah yang bermutu.

Semasa menjalankan temuramah/soaljawab, adakalanya pengkaji kehabisan soalan, sedangkan masa temubual masih banyak baginya untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut. Mengikut pendapat seorang ahli sejarah lisan Charles T. Morrissey, Pengarah Pertubuhan Sejarah Vermont, situasi yang demikian akan dapat diatasi dengan tiga cara. Pertama, seseorang itu boleh mengatasinya dengan menggunakan teknik kewartawanan memulakan soalan dengan siapa, apa, bila, di mana, bagaimana dan mengapa. Kedua, cuba meletakkan diri dalam kedudukan sebagai seorang yang kena temuramah dan bayangkan peranannya dalam jaringan itu dan kemukakan soalan. Ketiga, meletakkan kedudukan sebagai seorang dari disiplin lain, sebagai seorang ahli ekonomi atau sosiologi.¹⁵ Teknik-teknik ini adalah perlu untuk diketahui dalam menjalankan kajian berdasarkan kaedah sejarah lisan. Masa temubual itu perlu digunakan sepenuhnya, tambahan pula untuk mengadakan suatu masa temubual dengan seorang yang penting bukanlah senang. Sebaliknya pula soal-soal yang dikemukakan itu mestilah tidak lari dari pokok perbincangan, ia seharusnya berbentuk soalan yang cuba mendalami keterangan-keterangan sejarah yang telah dirakamkan.

Suatu lagi teknik temubual yang harus diambil perhatian ialah mengelakkan diri dari mengemukakan soalan atau mengkritik atau mengganggu dalam apa-apa bentuk semasa *interviewee* sedang bercakap. Perbuatan seperti ini bukan sahaja akan merosakkan rakaman, ia juga akan memesongkan keterangan sejarah yang diberikan oleh *interviewee*. Suasana hendaklah senyap-sunyi semasa rakaman dibuat. Biarkan *interviewee* meneruskan percakapannya, pengkaji hanya mendengar sambil membuat satu atau dua catitan tentang perkara yang telah disentuh dan perkara yang perlukan penjelasan kembali, kerana mengikut pendapat ahli-ahli dalam bidang ini, seorang *interviewer* yang baik adalah seorang pendengar yang baik. Dengan berbuat demikian, ia juga tahu bila dan bagaimana hendak mengakhiri rakaman temuramah itu, supaya kandungan rakaman itu tidak terkeluar dari apa yang dikehendaki saja.

Tahap ketiga dalam kaedah sejarah lisan ialah memperoses rakaman, ini termasuklah teknik pendaftaran, menyalin semula, mengedit, membuat salinan kekal atau transkrip, peraturan penggunaan dan teknik penyimpanan. Setelah selesai

¹⁴Baum Willa, *Oral History for the Local Historical Society*, American Association for State and Local History, Nashville, 1971.

¹⁵Manfred Wasserman, *Bibliography on Oral History*, Oral History, Association, New York, 1971.

menjalankan sesuatu temuramah/soaljawab/wawancara, rakaman akan diproses supaya dapat dihasilkan sejarah lisan didalam dua bentuk, iaitu rakaman dan transkrip. Mungkin ada orang berpendapat bahawa sejarah lisan itu mestilah kekal dalam bentuk lisan dan tidak perlu diproses hingga menjadi transkrip. Memproses itu sebenarnya bukanlah semata-mata menyalin semula menjadi transkrip, tetapi adalah merupakan suatu teknik bagaimana keterangan sejarah itu dapat digunakan oleh penyelidik dengan lebih mudah, disamping ia boleh menggunakan rakaman asal. Rakaman jika selalu digunakan akan menjadi rosak, tetapi transkrip tidak. Setiap kali rakaman itu digunakan, ia memerlukan alat dan tenaga, ini bermakna perbelanjaan untuk menggunakan rakaman adalah lebih mahal. Maka rakaman tersebut perlu diproses mengikut teknik-tekniknya hingga terhasil suatu keterangan sejarah yang telah diedit dan dibuat tambahan yang perlu, dan disediakan dalam bentuk yang mudah untuk digunakan oleh penyelidik sebagai bahan untuk kajian mereka.

Tiap-tiap rakaman yang telah selesai dibuat, memerlukan suatu sistem pendaftaran dan pengenalan supaya mudah untuk dikenali, dicari dan dikesan sejauhmana kemajuan memprosesnya telah dilaksanakan. Dalam pendaftaran ini, keterangan tentang tajuk rakaman, tarikh dan tempat temuramah diadakan, masa temuramah berjalan, *nama interviewee*, *nama interviewer* atau pengkaji, kelajuan rakaman, dan nombor bilangan *tracks* dan *reels*, hendaklah dicatitkan. Langkah kedua ialah menyalin semula kandungan rakaman adalah demi perkataan hingga terhasil apa yang dikatakan deraf transkrip. Sebelum menyalin semula, seseorang itu hendaklah mendengar kandungan rakaman itu hingga beberapa kali, sehingga ia memahami isi rakaman, untuk mengurangkan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku semasa menyediakan deraf transkrip itu. Setelah deraf ini dibuat, ia hendaklah pula diedit dengan menentukan perenggan yang sesuai serta membubuh tanda koma, noktah dan lain-lain dimana yang difikirkan perlu. Semasa mengedit ini, rakaman hendaklah juga didengar dengan teliti. Tidak dinafikan melaksanakan proses ini memang banyak kerumitannya, terutamanya dalam menyediakan deraf transkrip bagi temuramah yang telah diadakan secara kumpulan. Intonasi suara, loghat, gangguan suara oleh bunyi suasana kelilingnya yang terdapat dalam rakaman itu adalah perkara-perkara yang merumitkan kerja menyalin-semula. Apa yang dikehendaki, deraf transkrip ini mestilah benar-benar tepat seperti yang terkandung dalam rakaman.

Setelah deraf transkrip selesai diedit, deraf transkrip itu hendaklah diberikan salinannya kepada *interviewee*. Tujuannya adalah untuk memberi peluang meneliti testimoni yang telah dibuatnya, sambil membuat penambahan keatas sesuatu perkara yang difikirkannya lebih memberi erti. *Interviewee* boleh membuat pembetulan dan menambah, tetapi *interviewee* tidak boleh memadamkan apa-apa keterangan sejarah yang telah dibuatnya. Memberikan peluang kepada *interviewee* untuk mengedit ini adalah merupakan juga peluang kepada pengkaji untuk mengemukakan apa-apa pertanyaan yang ia terlupa mengemukakannya semasa temuramah diadakan. Soalan-soalan yang hendak dikemukakannya itu hendaklah dilampirkan bersama deraf transkrip itu, dan jika soalan itu merupakan meminta keterangan lanjut kepada mana-mana bahagian keterangan sejarah yang sedia terdapat, soalan

itu hendaklah dituliskan disisi bahagian keterangan yang berkenaan. Ini adalah bertujuan untuk kemudahan *interviewee* untuk menambah apa-apa keterangan yang diperlukan, dan juga untuk kemudahan penyalin yang akan menyediakan transkrip kekal. Pada masa yang sama perjanjian tentang peraturan penyimpanan dan penggunaan rakaman dan transkrip hendaklah dirundingkan dengan pihak *interviewee* yang berkenaan. Perjanjian seperti ini hendaklah dibuat mengikut tatacara perundangan. Seperti yang kita ketahui bahawa banyak terdapat kenyataan yang berupa sensitif atau perkara-perkara rahsia yang terkandung dalam testimoni *interviewee*. Perkara seperti ini mungkin akan disalahgunakan oleh orang tertentu, dan ini akan menjejaskan kedudukan dan nama baik *interviewee* khususnya jika ia seorang ahli politik atau seorang pegawai kerajaan. Adalah menjadi etika dalam sejarah lisan bahawa seseorang pengkaji itu haruslah menentukan bahawa *interviewee* diberikan perlindungan undang-undang keatas testimoni yang dibuatnya. Perjanjian resmi seperti ini boleh dikecualikan sekiranya ada persefahaman bersama, dan sekiranya keterangan-keterangan yang dirakamkan itu tidak merupakan sesuatu yang boleh dianggap sensitif atau rahsia; atau sebarang perkara yang boleh menyebabkan orang lain mengambil tindakan undang-undang keatas *interviewee*.

Setelah pihak *interviewee* memulangkan deraf transkrip yang telah dieditnya itu, transkrip tersebut hendaklah disalin semula dijadikan sebagai transkrip kekal. Keterangan-keterangan tentang transkrip ini hendaklah juga dicatitkan dibahagian awal muka hadapan. Keterangan ini adalah untuk tujuan bibliografi, pengenalan dan untuk catitan rekod. Didalam keterangan itu hendaklah dicatitkan nama *interviewee*, tarikh dan tempat *interview*, masanya, tajuk dan skop yang terkandung, syarat penggunaan, nama pengkaji dan diberikan nombor panggilan dan bilangannya. Nama *interviewee* adalah penting kerana transkrip itu adalah testimoni. Dengan nama itu juga akan membolehkan penyelidik menghubungi *interviewee* berkenaan sekiranya penyelidik mahukan keterangan yang lebih lanjut, selain dari yang terdapat dalam transkrip.

Setelah kita ketahui definisi sejarah lisan, bagaimana *methodology* dan teknik-teknik yang perlu diikuti bagi melaksanakan sesuatu program sejarah lisan itu, apakah bidang ini perlu bagi perkembangan disiplin sejarah di negara ini? Untuk menjawab soalan yang demikian, terlebih dahulu perlulah ditinjau perkembangan sejarah yang telah dilalui; adakah sumber bertulis yang terdapat itu memadai keperluan penyelidikan sesuatu peristiwa; Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh sejarah lisan bagi mengatasi masalah kekurangan sumber yang dihadapi oleh penyelidik. Disamping itu perlu juga dilihat tentang kemungkinan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program sejarah lisan di negara ini.

Seseorang penyelidik yang menjalankan kajilidikan ke atas sesuatu peristiwa sejarah biasanya akan menghadapi dua masalah; pertama, kerana memang terlalu kurang terdapat sumber bertulis; dan kedua, ada terdapat sumber bertulis tetapi merupakan sumber yang tidak berapa lengkap. Melihat pada perkembangan sejarah negara empat puluh tahun kebelakangan, berbagai peristiwa telah dialami oleh negara ini, bermula dari Pemerintahan Tentera Jepun, diikuti oleh Pemerintahan

Tentera British, Malayan Union, Darurat, hinggalah Peristiwa Tigabelas Mei. Untuk menyelidikan keatas mana-mana tajuk diatas, kekurangan sumber bertulis adalah masalah utama kepada penyelidik. Misalnya penyelidikan tentang Pemerintahan Tentera Jepun, sumber-sumber bertulis adalah terlalu kurang kerana banyak dokumen-dokumen yang dihasilkan oleh Pemerintah Tentera Jepun telah dimusnahkan terlebih dahulu sebelum mereka menyerah diri. Sepertimana juga yang dilakukan oleh tentera German sebelum mereka menyerah dahulu. Tindakan memusnahkan ini dilakukan sebagai langkah untuk menyelamatkan diri dari menghadapi tuduhan melakukan jenayah perang. Oleh yang demikian, sumber bertulis yang tinggal mungkin sedikit sekali, dan mungkin juga yang tidak berapa penting. Sebagai alternatif, pengkaji terpaksa menumpukan kepada sumber lain khususnya yang dihasilkan oleh pihak British. Dalam hal ini sejarah lisan boleh memainkan peranan menghasilkan sumber-sumber sejarah yang diperlukan sebagai tambahan kepada sumber bertulis yang ada. Suatu program sejarah lisan tentang Pemerintahan Tentera Jepun boleh dijalankan bagi mengumpulkan keterangan sejarah yang masih kekal dalam ingatan orang yang telah mengalami kehidupan zaman itu, yang mengetahui tentang sesuatu kejadian yang berkaitan dengan sesuatu skop, khususnya orang-orang yang pernah bekerjasama dengan tentera Jepun, dan lebih menarik lagi jika dapat menghubungi tentera-tentera Jepun yang pernah berkhidmat disini dahulu. Begitu juga tentang penyelidikan keatas pergaduhan kaum yang berlaku dalam tahun 1946 dahulu, seperti di Batu Kikir, di Batu Pahat dan di Sungai Manek, sumber bertulis yang ada terlalu kurang dan boleh dianggap sebagai suatu laporan pendek sahaja. Peristiwa ini telah berlaku hampir tigapuluh tiga tahun yang lalu. Kemungkinan ada diantara orang-orang yang terlibat ini telah meninggal, jika keterangan sejarah yang masih kekal dalam ingatan mereka yang masih hidup ini tidak pula dikumpulkan, nescaya akan menjadi suatu kerugian kepada pengkaji. Bagi penyelidik yang ingin menulis sejarah Peristiwa Tigabelas Mei, tidak dinafikan pula banyak terdapat sumber bertulis seperti rekod-rekod polis dan lain-lain, tetapi itu masih tidak boleh dianggap sebagai keterangan yang lengkap. Masih banyak lagi sumber-sumber yang diperlukan dari orang-orang yang benar-benar terlibat atau yang telah menyaksikan sesuatu pergaduhan itu. Keterangan-keterangan yang dianggap mustahak ini jika tidak diusahakan pengumpulannya lama kelamaannya akan juga hilang.

Sesuatu peristiwa sejarah itu, tidak akan dicatitkan keseluruhannya. Perkara yang dicatitkan adalah apa yang difikirkan perlu sahaja, dan catitan itulah yang akan dijadikan sebagai sumber sejarah oleh penyelidik. Sedangkan peristiwa yang sebenar adalah lebih dari apa yang telah dicatitkan. Kemungkinan ada perkara-perkara sulit yang dibuat secara tidak resmi terlebih dahulu. Suatu contoh yang baik ialah sidang kemuncak antara Tun Razak dengan Tun Adam Malik bagi menamatkan Konfrontasi, yang berlangsung di Bangkok dalam tahun 1966 dahulu. Keterangan bertulis yang terdapat hanya mengenai rundingan resmi antara dua delegasi tersebut tetapi apa yang telah dibincangkan di luar bilik tiada catitan bertulis mengenainya. Semasa pertemuan di Bangkok itu Tun Razak dan Tun Adam Malik telah mengadakan rundingan tertutup didalam sebuah bilik khas. Apa yang mereka rundingkan, tiada kenyataan bertulis mengenainya. Inilah keistimewaan sejarah lisan, iaitu cuba mendapatkan maklumat yang sedemikian.

Kemungkinan ada diantara ahli delegasi yang dapat memberikan keterangan sejarah tersebut; andainya tiada di antara ahli-ahli delegasi itu yang mengetahui, keterangan itu hanya boleh didapati dari Tun Adam Malik. Jika tiada usaha untuk mendapatkannya, keterangan yang sangat berharga ini suatu hari akan kehilangan juga.

Demikianlah pentingnya sejarah lisan itu dalam pengkajian sejarah negara ini. Dalam peristiwa sejarah seperti Pemerintahan Tentera Jepun, dan rusuhan kaum di Batu Kikir, Batu Pahat dan Sungai Manek; dimana terlalu sedikit sumber bertulis yang terdapat mengenai peristiwa-peristiwa tersebut, peranan sejarah lisan adalah begitu penting untuk menambah sumber yang ada. Bagi peristiwa sejarah yang banyak terdapat sumber bertulis mengenainya, disamping menambah sumber yang ada, sejarah lisan berperanan untuk memberikan keterangan yang lebih lanjut mengenai sesuatu keterangan bertulis itu. Manakala bagi peristiwa sejarah yang banyak berkaitan dengan perkara sulit, peranan sejarah lisan adalah agak unik, iaitu mendapatkan keterangan sejarah yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh seorang penyelidik biasa.¹⁶ Disamping peranan-peranan ini, sejarah lisan menyediakan keterangan tentang *interviewee*; ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik untuk menghubungi orang berkenaan bagi mendapatkan apa-apa keterangan lanjut jika diperlukan. Penggunaan sejarah lisan tidaklah tertakluk kepada tajuk seperti yang telah dibincangkan sahaja, banyak lagi peristiwa sejarah dan perkara-perkara tertentu yang boleh dijadikan program sejarah lisan. Antaranya ialah biografi tokoh-tokoh seperti Tun Ismail, Tun Razak, Dato' Onn, Mat Kilau dan lain-lain; dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan sejarah negara seperti Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Dasar Ekonomi Baru, Peranan Bekas Pegawai Melayu dalam Kerajaan Kolonial dan berbagai lagi. Usaha yang demikian bukan sahaja akan memperkayakan sumber-sumber sejarah, bahkan juga sebagai suatu pendorong kearah penyelidikan dan penulisan sejarah tentang tajuk-tajuk berkenaan.

Tidak dinafikan pula untuk melaksanakan program-program sejarah lisan di negara ini sudah tentu akan menghadapi beberapa masalah. Program ini memerlukan perbelanjaan yang banyak. Selain dari penyediaan alat-alat perakam, wang juga diperlukan bagi perbelanjaan perjalanan, surat menyurat, memperoses rakaman dan lain-lain lagi. Dari segi masa pula, pelaksanaan sesuatu program itu memerlukan masa yang sangat panjang. Mengikut pengalaman ahli-ahli sejarah lisan di Amerika, hitung panjang bagi memperoses tiap-tiap satu jam rakaman ialah antara duapuluh lima hingga ketigapuluh jam, ini tidak termasuk masa yang digunakan oleh *interviewee* bagi menyimak deraf transkrip. Manakala masa persediaan untuk temubual yang berjalan selama satu jam ialah antara sepuluh hingga keduapuluh jam. Dengan ini ternyata bagi tiap-tiap satu jam temuramah soaljawab, masa untuk persediaan dan memperosesnya ialah antara empatpuluh hingga kelimpuluh jam.¹⁷ Suatu lagi masalah utama yang boleh diduga dalam melaksanakan program sejarah lisan dalam negeri ini ialah mendapatkan kerjasama pihak *interviewee*. Untuk mendapatkan kerjasama *interviewee* dari kalangan orang-orang Melayu strata menengah

¹⁶Shafer, R.J., (Ed.), *A Guide To Historical Method*, The Dorsey Press, Homewood, Illinois, 1974.

dan bawahan tidak akan menjadi masalah. Masalah akan timbul bila hendak mendapatkan kerjasama dari golongan atasan, khususnya peringkat pegawai tinggi kerajaan dan menteri. Lantaran rakyat negara ini terdiri dari berbagai kaum, adalah agak sukar untuk mendapatkan kerjasama kaum-kaum yang lain khususnya orang Cina, pada hal mereka juga adalah sebahagian dari pelakun-pelakun sejarah negara. Peristiwa Tigabelas Mei misalnya adalah sejarah negara, yangmana mereka yang terlibat terutamanya adalah orang Melayu dan orang Cina. Sudah tentu menjadi suatu masalah yang besar bagi seorang pengkaji Melayu untuk mendapatkan keterangan-keterangan peristiwa tersebut dari orang Cina. Perkara ini merupakan suatu perkara yang sensitif; *interviewee* adalah orang yang terlibat dalam peristiwa itu. Kemungkinan ramai diantara ahli keluarganya yang menjadi korban, menyebabkan peristiwa itu begitu sensitif baginya. Ataupun sememangnya sudah menjadi suatu sikap bagi golongan ini tidak berminat memberi apa-apa maklumat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dianggap sensitif. Dengan demikian kajian akan tertumpu pada kaum Melayu, dan hasilnya berdasarkan pada keterangan dari satu pihak sahaja. Untuk mendapatkan keterangan sejarah dari pegawai tinggi kerajaan dan menteri akan juga menjadi suatu masalah. Dua sebab utama dapat dilihat; pertama mereka ini tidak mahu mempersoalkan tentang sesuatu yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dikatakan sebagai rahsia kerajaan demi untuk menjaga kepentingan kedudukan mereka. Seperti yang kita ketahui, di negara ini banyak perkara-perkara yang dianggap sensitif dan rahsia, dan tidak harus diperbincangkan.¹⁸ Kedua, kemungkinan mereka ini tidak dapat melapangkan masa kerana kesibukan.

Jika kita mengikuti perkembangan sejarah lisan di Amerika, untuk mendapatkan kerjasama dari orang ramai memberikan keterangan-keterangan sejarah yang mereka ketahui atau alami dalam sesuatu perkara itu, tidaklah merupakan suatu masalah yang besar. Kebanyakan dari mereka samaada seorang rakyat biasa, seorang tokoh politik, seorang pegawai tinggi kerajaan, seorang diplomat atau seorang president, masing-masing bersedia memberikan kerjasama bagi menjayakan sesuatu program sejarah lisan itu. Contohnya ialah program sejarah lisan tentang riwayat hidup J.F. Kennedy, dimana kejayaan program ini menunjukkan adanya kerjasama yang diberikan oleh *interviewee* yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat. Kejayaan ini juga mungkin disebabkan oleh adanya sikap kesedaran terhadap sejarah.

Mungkin ada orang yang berpendapat bahawa sejarah lisan itu tidak perlu, atas alasan keterangan-keterangan sejarah yang dikumpulkan itu diragukan kebenarannya. Setiap orang mempunyai penilaian yang tidak sama. Sememangnya kita mengutamakan sumber bertulis, lantaran kita telah dilatih menumpukan kepada sumber bertulis dalam menjalankan sesuatu kajian. Namun demikian kita harus ingat bahawa sumber-sumber sejarah yang dikumpulkan melalui teknik-teknik tertentu itu adalah hasil dari suatu kajian. Seseorang yang menjalankan usaha mendapatkan keterangan tersebut, adalah seorang yang telah terlatih dalam bidang sejarah lisan. Sebelum memulakan sesuatu temubual ia telah mengkaji semua keterangan-keterangan bertulis yang ada kaitan dengan keterangan sejarah yang hendak diperolehinya dari seseorang itu. Ia juga telah mengkaji tentang latar

belakang *interviewee* dan peranan *interviewee* dalam sesuatu perkara yang berkaitan. Disamping itu ia juga berusaha mendapatkan apa-apa bukti yang ada dari *interviewee* seperti catitan memoir, surat atau apa-apa yang dapat mempastikan kebenaran keterangan sejarah yang diberikan oleh *interviewee*. Dalam sesuatu peristiwa sejarah itu biasanya ramai yang terlibat atau yang menyaksikannya. Keterangan-keterangan sejarah berkenaan peristiwa tersebut hendaklah diperolehi sebanyak mungkin dari mereka yang berkenaan. Keterangan-keterangan tersebut akan dibandingkan untuk menentukan kebenarannya.

Mungkin juga ada pendapat yang mengatakan bahawa bidang sejarah lisan itu tidak diperlukan, atas alasan bahwa penyelidik-penyelidik yang menghasilkan kajian tentang sejarah negara ini telah juga menjalankan kaedah temubual bagi mendapatkan sumber-sumber sejarah sebagai alternatif bagi bahagian yang tiada terdapat sumber-sumber bertulis. Matalamat sejarah lisan adalah untuk mendapatkan keterangan-keterangan sejarah mengenai sesuatu peristiwa setepat dan sebanyak mungkin. Disamping itu tujuannya adalah juga untuk menyelamatkan keterangan-keterangan yang bernilai ini dari hilang terus. Seorang penyelidik yang menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan sumber bagi tujuan penulisannya adalah biasanya untuk faedahnya saja, dan bukan semestinya untuk menambah sumber-sumber penyelidikan. Pengkaji tersebut akan berjaya mendapat sumber-sumber yang diperlukannya jika orang-orang yang mengetahui tentang peristiwa itu masih hidup. Tetapi, bagaimana jika orang yang menyimpan keterangan-keterangan sejarah tersebut telah meninggal terlebih dahulu! Disini kita dapati betapa pentingnya peranan bidang sejarah lisan itu.

Mengikuti Professor Wood Gray, sejarah adalah segala yang telah berlaku atau apa yang telah difikirkan sejak dari permulaan masa hinggalah pada ketika yang baru berlalu. Tetapi cuma sebahagian kecil dari segala yang telah berlaku itu yang meninggalkan rekod-rekod yang kekal.¹⁹ Demikian jugalah dengan sejarah negara ini, tidak semua peristiwa sejarah yang telah dialami itu meninggalkan rekod-rekod bertulis. Sedangkan rekod-rekod yang ada pula banyak yang tidak lengkap. Kesimpulan dari apa yang telah dibincangkan, penulis berpendapat bahawa bidang sejarah lisan adalah penting dalam pengkajian sejarah negara ini. Peranannya ternyata amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah tidak dicatitkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang, dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan. Seperti yang kita sedia maklum untuk melaksanakan sesuatu program sejarah lisan itu memerlukan tenaga yang terlatih, memakan masa yang lama dan belanja yang agak besar. Kemungkinan sesuatu program itu akan menghadapi berbagai masalah, oleh itu kerjasama antara jabatan sejarah, arkib dan perpustakaan adalah perlu bagi melaksanakan sesuatu program sejarah lisan yang besar. Adanya kerjasama antara tenaga-tenaga yang demikian, dijangka akan dapat mengatasi masalah kewangan, kakitangan, dan lain-lain masalah yang mungkin akan dihadapi. Begitu juga kepada pihak orang ramai, adalah diharapkan untuk memberi kerjasama tentang maklumat-maklumat sejarah

yang diperlukan, demi atas kesedaran terhadap sejarah. Tanpa usaha yang demikian, sesuatu sumber sejarah yang ada pada orang perseorangan itu akan hilang. Oleh itu usaha-usaha untuk mendapatkan keterangan-keterangan sejarah berkenaan hendaklah dijalankan semasa ingatan orang perseorangan itu masih kuat. Meski pun ada peristiwa-peristiwa sejarah yang meninggalkan rekod-rekod bertulis, pengumpulan keterangan-keterangan lisan masih merupakan sesuatu yang perlu. Sedangkan dalam masyarakat yang tahu menyimpan dan menilai rekod-rekod bertulis, banyak maklumat yang telah tidak dicatatkan. Kadangkala apa yang dicatatkan itu pula adalah perkara yang tidak penting, manakala maklumat yang sebenar penting telah ditinggalkan.